



Penipuan siber jenayah paling banyak dikesan Cyber999

September 13, 2023 @ 9:39pm

KUALA LUMPUR: Sebanyak 3,837 insiden keselamatan siber direkodkan oleh pusat tindak balas insiden keselamatan siber Cyber999 CyberSecurity Malaysia dari Januari hingga Ogos tahun ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching, berkata empat insiden tertinggi ialah penipuan sebanyak 2,400 kes, pencerobohan (396), berkaitan kandungan (378) dan kod berniat jahat (359).

Beliau berkata, ia menunjukkan tahap kesedaran awam dalam kalangan pengguna Internet Malaysia perlu ditingkatkan memandangkan rakyat masih menjadi mangsa ancaman siber.

"Bersenjatakan teknologi terkini, penjenayah siber kini menggunakan alatan AI (kecerdasan buatan) untuk menggodam kata laluan, membocorkan maklumat dan menipu pengguna, mengakibatkan pelanggaran data dan kerugian kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena pusingan akhir Piala Cabaran CyberSAFE Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan (NICTSed) 2023 di Auditorium Perdana Angkasapuri, Media City di sini, hari ini.

Nie Ching berkata, dalam Malaysia menuju ke arah masyarakat berpusatkan maklumat, mengutamakan keselamatan digital dalam sistem pendidikan adalah sangat penting, susulan risiko dan bahaya daripada Internet seperti penipuan dan kecurian identiti.

Beliau berkata, wacana seperti NICTSed 2023 memupuk pemikiran kritis, perolehan ilmu, kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar yang meliputi kesedaran keselamatan siber, kerahsiaan data peribadi, perlindungan maklumat dan pengurusan risiko digital.

Katanya, usaha membina ketahanan siber membabitkan setiap anggota komuniti mempraktikkan amalan siber holistik, daripada melaksanakan amalan keselamatan siber terbaik kepada pembelajaran berterusan, kolaborasi dan perkongsian maklumat.

"Bagi kerajaan dan industri keselamatan siber, kita perlu secara berterusan melabur dalam penyelidikan dan pembangunan, perancangan tindak balas insiden, pematuhan kawal selia dan kerjasama antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Dr Zulkifeli Mohd Zin, dalam ucapannya berkata evolusi pantas AI terutama AI generatif membawa peningkatan signifikan merentasi industri dan sektor utama.

"Ironinya, teknologi yang sama memperkasa kehidupan harian kita, kini boleh dijadikan senjata oleh penjenayah siber.

"AI generatif menggunakan pembelajaran mesin untuk menjana teks, video, audio dan imej seakan manusia. Meskipun alatan ini mempunyai pelbagai penggunaan berfaedah, ia juga dieksploitasi oleh pelaku berniat jahat untuk melakukan serangan berbentuk kejuruteraan sosial dan serangan siber yang lebih canggih dan berkesan," katanya.

Zulkifeli berkata, NICTSed yang dilancarkan pada 2013, bermula sebagai pertandingan debat kebangsaan mengenai keselamatan siber untuk sekolah menengah di seluruh negara.

Sehingga kini, katanya, NICTSed disertai 2,264 pelajar daripada 693 sekolah seluruh negara dan bagi edisi tahun ini, sebanyak 133 sekolah mengambil bahagian dengan tiga pasukan muncul finalis bagi pusingan akhir hari ini.

Sekolah Seri Puteri diumumkan sebagai johan NICTSed 2023 dan memenangi RM5,000, diikuti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki, Selangor sebagai naib johan membawa pulang RM3,500 manakala SMK Kota Kemuning di tempat ketiga.

NICTSed dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia dan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Penyiaran dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak. – BERNAMA